



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN, 17 Januari 2022

1	Harga telur ayam turun Februari
2	-Inspirasi daripada rumah rakit selamatkan ternakan -Awang jinakan lebih 10 ekor kerbau liar
3	Rugi RM30,000, 7 ekor lembu dicuri
4	Bina reban ayam terapung,rumah kerap dilanda banjir
5	Bekalan telur di Johor Bahru berkurangan
6	Mengeluh sukar dapat telur ayam

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Harga telur ayam turun Februari

Oleh AMREE AHMAD
amree.ahmad@utusan.com.my

PUTRAJAYA: Rakyat akan dapat menikmati semula harga telur ayam lebih murah pada bulan depan susulan berlaku lebihan bekalan.

Lebih berdasarkan statistik sebelum ini yang menyaksikan harga borong dan runcit bagi produk itu kembali stabil selepas sambutan Tahun Baharu Cina apabila berlaku lambakan di pasaran.

Ketika ini, harga telur unggas itu masih stabil ekoran pelanjutan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sehingga 4 Februari depan iaitu tiga hari selepas perayaan tersebut.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menetapkan harga siling sebiji telur ayam gred A, B dan C masing-masing kepada 43 sen, 41 sen dan 39 sen.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi bagaimanapun berkata, pihak kementerian itu masih memantau situasi semasa unjuran per-



BEKALAN ayam dijangka berlebihan Februari ini sekali gus menurunkan harganya di pasaran.

gerakan harga seluruh negara. "Jangan bimbang, nanti saya akan keluar kenyataan rasmi apakah usaha kementerian un-

tuk memastikan harga tetap stabil walaupun selepas SHMKM," katanya ketika dihubungi.

SHMKM yang sepatutnya be-



ALEXANDER NANTA LINGGI

harga naik atas alasan tipikal iaitu isu kekurangan bekalan.

Pada masa ini, Malaysia mempunyai lebih 70 juta ekor ayam penelur kecuali Perlis, Kelantan, Terengganu dan Wilayah Persekutuan, dengan kadar sara diri ialah 115 peratus tahun lalu.

Angka itu adalah paling tinggi berbanding kadar sara diri untuk penternak ayam pedaging iaitu 104 peratus manakala pengusaha babi pula 92 peratus dan susu segar hanya 64 peratus.

Berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinari, bekalan telur ayam yang stabil setiap tahun membolehkan Malaysia mengeksport lebih sejuta biji ke luar negara tanpa masalah.

Tahun lepas, harga runcit gred A pernah jatuh selepas Tahun Baharu Cina sehingga 36 sen pada Mei sebelum melonjak kepada 45 sen iaitu tertinggi dalam sejarah pada September.

Malaysia setiap tahun mengeluarkan 10 bilion telur ayam dan secara per kapita, seorang penduduk negara ini makan sejumlah lebih 350 biji telur ayam sepanjang tahun.

Inspirasi daripada rumah rakit selamatkan ternakan

'Reban terapung' elak rugi

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN
utusannews@mediamula.com.my

KEMAMAN: Idea kreatif membina sangkar ayam terapung sejak lima tahun lalu membolehkan seorang peternak di Kampung Tebak, Air Putih di sini menyelamatkan kesemua ternakannya setiap kali banjir melanda.

Abu Bakar Che Ahmad, 66, berkata, rekaan reban ayam terapung yang diinspirasikan daripada rumah rakit itu sekali gus dapat mengelak kerugian ribuan ringgit seperti yang pernah dialami pada 2014 selepas kawasan kediamannya dinaiki air setinggi empat meter.

Katanya, sebanyak RM2,000 dibelanjakan bagi membina reban yang menggunakan kayu dan jaring besi di samping lebih 10 tong plastik sebagai pelampung itu.

"Reban ini mampu memuatkan lebih 200 ekor ayam dan akan terapung mengikut paras air jika banjir berlaku."

"Saya lega inovasi ini membuaikan hasil kerana pernah kerugian lebih RM5,000 selepas



ABU Bakar Che Ahmad menunjukkan reban ayam terapung yang dibina bagi menyelamatkan ternakan setiap kali musim tengkujuh. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

50 ekor ayam denak mati dihantui banjir pada 2014," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di kediamannya.

Abu Bakar yang merupakan penoreh getah berkata, reban terapung itu lazimnya diseleng-

gara sebelum musim tengkujuh bagi memastikan dapat berfungsi dengan baik di samping memberi keselesaan kepada ternakan.

Katanya, setiap ayam denak dijual antara RM100 hingga

RM300 seekor dan mendapat permintaan tinggi dari dalam serta luar negeri.

Menurutnya, kerja-kerja memberi makan ayam akan dilakukan dengan menaiki bot gentian kaca miliknya.

Awang jinak lebih 10 ekor kerbau liar

HULU TERENGGANU: Masih berusia dua tahun, Awang, seekor anak kerbau mempunyai kelebihan tersendiri apabila digunakan bagi memikat lebih 10 kerbau liar sejak mula berkhidmat tujuh bulan lalu.

Pemiliknya, Muhammad Zulfaqar Aiman berkata, kerbau istimewa itu tidak pernah mengecewakannya setiap kali dibawa ke tengah hutan untuk menangkap kerbau-kerbau liar termasuk di Johor dan Negeri Sembilan.

Katanya, kehadiran kerbau denak itu sekali gus membolehkannya meraih pendapatan antara RM300 hingga RM500 bagi setiap seekor kerbau liar yang dikenakan.

"Ayah saya membeli Awang daripada seorang peternak di Manir, Kuala Terengganu pada harga RM3,500 dan selepas dilatih selama dua bulan, ia menjadi jinak serta manja."

"Awang juga mudah menerima arahan dan tidak pernah


mengamuk, malah adik-adik sering bermain dengannya pada setiap petang," katanya ketika ditemui di Kampung Dusun di sini semalam.

Muhammad Zulfaqar Aiman berkata, aktiviti memandikan kerbau menjadi rutin tiga adiknya iaitu Muhammad Syazrul Haikal, 14; Muhammad Zulifikar Izham, 11; dan Siti Marsyaidatul Aleesya, 10, di kawasan sungai di kampung mereka.

Menurut remaja berkenaan, kemahiran menjinak kerbau diwarisi berdasarkan pengalaman mengikut bapanya, Baharun Ismail, 51, menangkap haiwan liar itu sejak berusia 12 tahun.

Sementara itu, Baharun berkata, aktiviti menjinakkkan kerbau liar amat berisiko kerana binatang itu lazimnya berada dalam kumpulan sehingga mencapai 50 ekor.

Katanya, tanpa denak, orang ramai boleh ditanduk, disondol atau dicederakan haiwan liar yang agresif itu.



MUHAMMAD Zulfaqar Aiman Kamaruzaman bersama sepupunya melakukan rutin memandikan Awang pada setiap petang di Kampung Dusun, Hulu Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY ROSLI

Dua penternak berputih mata haiwan ternakan dilarikan penyamun

Rugi RM30,000, 7 ekor lembu dicuri

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

DUNGUN — Dua penternak lembu berputih mata apabila mengalami kerugian hampir RM30,000 selepas tujuh ekor lembu peliharaan mereka hilang disyaki dicuri di Kampung Paya Hutan, Paka di sini kelmarin.

Seorang penternak, Romi Daud, 48, berkata, dia kehilangan lima ekor lembu, manakala dua ekor lembu milik rakannya, Mohd. Nasarul Naim Mohd. Nasir, 41, turut dicuri pada hari sama.

Romi berkata, dia menyedari lima ekor lembu ternakannya hilang sejaknya memeriksakan kandang ternakannya pada pukul 7 pagi.

"Saya keluar dari rumah yang



ROMI menunjukkan kayu yang digunakan pencuri untuk menglikat lembu di Kampung Paya Hutan, Paka, Dungun semalam.

tidak jauh dari kandang lembu selepas selesai menunaikan solat subuh. Sebalik sampai, saya mendapati haiwan ternakan hanya tinggal tiga ekor.

"Puas saya mencari setiap lembu jantan dan empat betina yang berada dalam lingkungan tiga tahun di kawasan sekitar tetapi tidak jumpa," katanya ketika ditemui *Kosmo* di Kampung Paya Hutan, Paka di sini semalam.

Romi berkata, dia mengesyaki lembu-lembunya telah dicuri sebelum memaklumkan kejadian itu kepada jirannya, Mohd. Nasarul Naim.

Sementara itu, Mohd. Nasarul Naim memberitahu, pemeriksaan kemudian mendapati dua ekor lembu miliknya

yang ditambat pada tiang di hadapan rumah juga turut hilang.

"Saya memang biasa ikat lembu-lembu itu selepas memberi makan pada setiap petang," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendant Baharudin Abdullah ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kecurian lembu berkenaan.

Beliau berkata, siasatan sedang dilakukan mengikut Seksyen 379 Kanun Kesejahteraan Iaitu curi.

"Orang ramai diminta menghubungi polis sekiranya terjumpa atau mengenali pihak yang menjual lembu pada harga murah kerana kemungkinan ia hasil curi," katanya.

Bina reban ayam terapung, rumah kerap dilanda banjir

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

KEMAMAN — Seorang penternak ayam denak menghasilkan inovasi membina reban ayam terapung bagi mengatas masalah banjir yang sering melanda kawasan rumahnya di Kampung Tebak, Air Putih, di sini.

Abu Bakar Che Ahmad, 66, berkata, kampungnya sering dinari ke banjir sekurang-kurangnya empat kali pada musim tengkujuh setiap tahun.

Dia yang juga penoreh getah berkata, bencana alam itu memberi ancaman kepada ayam denak peliharaannya sehingga menyebabkan kerugian ribuan ringgit.

"Saya pernah kerugian paling besar selepas 50 ekor ayam de-

nak peliharaan mati dihanyutkan banjir pada tahun 2014.

"Pengalaman pahit itu mendorong saya membina reban ayam terapung yang diperbuat daripada kayu dan jaring besi, manakala 10 tong plastik sebagai pelampung," katanya ketika ditemui *Kosmo* di Kampung Tebak, di sini kelmarin.

Abu Bakar berkata, reban ayam terapung yang menelan belanja RM2,000 tersebut akan terapung mengikut paras banjir dan boleh menempatkan lebih 200 ekor ayam denak pada satu-satu masa.

Dia yang juga penoreh getah berkata, reban itu akan ditambat pada tiang rumahnya bagi mengelakkan ia hanyut dibawa arus banjir.

"Saya akan menggunakan bot gentian kaca untuk menghantar makanan kepada ayam-ayam denak saya pada musim banjir."

"Buat masa ini, saya akan melakukan kerja-kerja selenggara reban bagi memastikan ia berfungsi dengan baik memandangkan musim tengkujuh masih belum berakhir," katanya.

Abu Bakar berkata, dia tidak mahu lagi kehilangan ayam denak peliharaan yang dijual sebagai pemikat ayam hutan kerana ia bernilai tinggi dan dijual pada harga antara RM100 hingga RM300 seekor.

Bapa kepada tujuh orang anak itu berkata, ayam denaknya sensitif mendapat permintaan tinggi dalam kalangan peminat dari dalam dan luar negara.



ABU BAKAR meletakkan tong plastik sebagai pelampung bagi mengapungkan reban ayamnya di Air Putih, Kemaman semalam.

Bekalan telur di Johor Bahru berkurangan

Johor Bahru: Pengguna di bandar raya ini mengeluh kerana sukar mendapatkan telur ayam berikutan bekalannya didakwa berkurangan sejak minggu lalu.

Tinjauan di pasar sekitar Tampoi dan Perling, di sini mendapati kedai telur ayam yang biasanya mempunyai ratusan bekalan menuhi kedai dilihat kosong dengan tidak sampai 10 papan telur ayam yang ada.

Malah, ramai pengguna mengeluh dan kecewa apabila telur ayam yang ingin dibeli sudah kehabisan dan terpaksa mencarinya di beberapa kedai lain.

Pembuat kuih tradisional, Jamaliah Saat, 58, berkata sejak dua minggu lalu dia sukar mendapatkan telur ayam kerana sering kehabisan di pasaran sekitar bandar raya ini.

Katanya, telur ayam bukan saja menjadi hidangan utama keluarga, malah diperlukan bagi memenuhi tempahan kuih daripada pelanggannya.

"Sudah lebih seminggu saya sukar mendapatkan telur ayam di pasaran, selalunya saya beli empat papan telur ayam untuk hidangan keluarga, selain untuk tempahan kuih."

"Saya juga ada bertanya kepada peniaga telur ayam dan mereka memberitahu tidak banyak bekalan diantar oleh pembekal bekalan sejak sebulan lalu, namun tiada



Seorang pengguna mendapatkan bekalan telur di sebuah pasar raya di Tampoi, Johor Bahru, semalam.

(Foto Nur Aisyah Mazalan/B91)

alasan kenapa ia tidak banyak," katanya ketika ditemui, semalam.

Pada 8 Januari lalu, harga ayam dan telur dilaporkan dijangka naik selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang dilaksanakan kerajaan untuk menstabilkan harga barang keperluan asas tamat pada 4 Februari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, dilaporkan berkata lang-

kah itu terpaksa diambil sebagai mengimbangi situasi 'menang-menang' antara kumpulan pengguna dan penternak di negara ini.

Sementara itu, peruncit telur ayam di pasar basah Tampoi, Ong Hechau, 60, berkata sejak minggu lalu pembekal hanya menghantar kurang 200 papan telur ayam kepada penjual, berbanding lebih 1,500 papan sebelum ini.

Katanya, sebelum ini peruncit diberikan bekalan sebanyak 45,000 biji telur ayam berbanding

hanya 6,000 biji sejak minggu lalu.

"Bekalan 6,000 biji telur ketika ini memang tidak cukup kerana tidak sampai beberapa jam saja sudah habis.

"Ramai pengguna mengeluh, terutama pelanggan tetap seperti peniaga makanan, syarikat catering dan pembuat kuih kerana peruncit tidak dapat memenuhi tempahan harian mereka, malah pengguna biasa pun sukar membeli telur kerana tiada bekalan," katanya.



TINJAUAN mendapati bekalan telur tidak mencukupi di pasar raya sekitar Tampoi dan Perlis.

Mengeluh sukar dapat telur ayam

Johor Bahru: Pengguna di bandar raya ini mengeluh sukar mendapatkan telur ayam berikutan stoknya yang didakwa berkurangan sejak seminggu lalu.

Tinjauan di pasar sekitar Tampoi dan Perlis di sini mendapati kedai telur yang biasanya mempunyai ratusan stok bekalan itu hampir kosong dengan tidak sampai 10 papan (300 biji) sahaja yang ada.

Pengguna yang hadir kecewa apabila telur yang mahu dibeli habis cepat dan terpaksa mencari bekalan di banyak kedai.

Seorang daripadanya adalah Jamaliah Saat, 58, yang memberitahu sudah berdepan kesukaran mendapat

telur ayam sejak lebih seminggu lalu.

Dia yang bekerja sebagai tukang cuci dan kuih tradisional sambilan berkata, telur ayam bukan sahaja keperluan utama keluarganya, bahkan bahan asas penting dalam pembuatan kuih.

"Sudah seminggu lebih saya sukar mendapatkan telur di pasaran sekitar. Selalunya saya beli empat papan telur untuk hidangan keluarga selain untuk tempahan kuih.

"Saya ada bertanyakan penjual telur dan mereka mendakwa tidak banyak stok yang dihantar pembekal sejak sebulan lalu. Namun itu tidak boleh jadi ala-

san kenapa stok tidak banyak," katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, peruncit telur di pasar basah Tampoi, Ong Hechau, 60, berkata, sejak minggu lalu pembekal hanya menghantarkan kurang 200 papan telur kepada peruncit, berbanding lebih 1,500 papan sebelum ini.

"Dari segi jumlah, ia babitan 45,000 biji telur ayam, namun sejak minggu lalu kami hanya terima 6,000 biji sahaja dan stok sebanyak itu memang tak cukup.

"Tidak sampai beberapa jam sahaja sudah habis. Ramai pelanggan mengeluh terutama pelanggan tetap

seperti peniaga makanan, syarikat katering dan pembuat kuih," katanya.

Pada 8 Januari lalu, media melaporkan harga ayam dan telur bakal naik selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMMK) yang dilaksanakan untuk menstabilkan harga barang keperluan asas, tamat 4 Februari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dilaporkan berkata, langkah terbabit terpaksa diambil sebagai mengimbangi situasi 'menang-menang' antara kumpulan pengguna dan penternak di negara ini.